



## SIARAN MEDIA MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

### PENDIGITALAN: MASA DEPAN PETANI DAN NELAYAN

- Menteri Pertanian dan Industri Makanan Malaysia, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee telah melakukan lawatan ke pusat operasi kerjasama dengan Shopee Malaysia bagi mendigitalkan rantai pemasaran hasil pertanian dan perikanan.
- Pihak kementerian melalui agensi – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) dan Lembaga Kemajuan Perikanan Malaysia (LKIM) – telah mengambil pendekatan untuk membawa produk segar secara dalam talian menerusi kerjasama eksklusif bersama Shopee di kedai rasmi Agrobazaar FAMA dan NEKMAT.
- Pandemik Covid-19 telah merubah lanskap ekonomi pada arah yang tidak terjangka. Tidak terkecuali kepada sektor pertanian negara. Pandemik yang melanda seluruh dunia telah memberi satu bentuk cabaran baru kepada petani dan nelayan di Malaysia yang bergelut untuk mendapatkan hasil yang diharapkan. Dengan sumber pendapatan mereka yang terkesan daripada gangguan pada rantai bekalan, pihak kerajaan perlu segera bertindak untuk memperkenalkan usaha jangka panjang yang meluas bagi memastikan kebajikan petani dan nelayan dilindungi.
- Pihak Kementerian memahami bahawa bukan mudah para petani dan nelayan untuk membiasakan diri dengan ilmu teknologi buat pertama kali dan disebabkan itu pihak kerajaan akan membantu melalui Agrobazaar FAMA dan melancarkan dua kedai rasmi di Shopee.
- Sejak kerjasama ini dilaksanakan pada bulan lepas, kedua-dua kedai telah merekodkan sebanyak 2,000 tempahan dengan nilai suku juta Ringgit hanya di Lembah Klang sahaja. Inisiatif ini akan diperluaskan ke seluruh negara yakni mampu memberikan impak positif kepada hampir 1,500 petani, 100 usahawan FAMA dan 56,000 nelayan.

- Pada masa kini, penduduk Lembah Klang yang membuat tempahan di kedai-kedai tersebut sebelum 12.00 tengahari akan menerima barang belian pada keesokan harinya (kecuali hujung minggu dan cuti umum). Mereka telah beroperasi dengan cemerlang dan kecekapan yang sempurna.
- Melihat kepada kejayaan kedai-kedai ini, kementerian percaya dan yakin tiada sebab petani dan nelayan tidak melakukan jualan secara dalam talian.
- Pada masa jangka panjang, pihak kementerian berharap lebih ramai petani dan nelayan akan mampu bertahan dengan mempelajari kaedah penjualan secara dalam talian untuk dijual terus kepada pengguna. Ini akan melibatkan usaha untuk menaiktaraf kemudahan logistik bagi menerima penghantaran secara cold-chain oleh pembekal pihak ketiga serta latihan dan kursus kepada petani dan nelayan.
- Situasi semasa mungkin telah mendorong negara untuk maju menuju ke arah pendigitalan tetapi sudah tiba masanya negara perlu sedar akan visi untuk mendigitalkan sektor ekonomi di Malaysia tidak kira ketika Covid-19 atau pun tidak. Ini bagi memastikan seluruh sektor bersedia untuk menerima lebih banyak perubahan kesan daripada keadaan yang tidak terduga pada masa hadapan.
- Kementerian ingin mengucapkan tahniah kepada pihak FAMA, LKIM, NEKMAT dan Shopee kerana telah menyediakan sebuah infrastruktur yang kukuh yang dapat membantu hasil keluaran petani dan nelayan untuk disimpan dan dijual secara dalam talian di kedai-kedai yang disediakan.
- Kementerian Pertanian dan Asas Makanan serta Shopee akan sentiasa memberikan komitmen untuk memberikan laluan kepada kerjasama yang lebih utuh menerusi FAMA, LKIM dan NEKMAT dengan menyasarkan lebih banyak negeri yang akan menerima manfaat daripada kerjasama ini.
- Untuk maklumat lanjut, pengguna boleh melayari kedai rasmi FAMA di [https://shopee.com.my/agrobazaar\\_fama](https://shopee.com.my/agrobazaar_fama) dan kedai rasmi NEKMAT di <https://shopee.com.my/nekmat.os>.

**-SEKIAN.-**

**LAMPIRAN**

DATA SEHINGGA 19 MEI 2020	BILANGAN
Bilangan Produk	141
Bilangan Follower	3,000
Bilangan Penghantaran	2,730

Sumber: FAMA

